SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SEMARAK TANI @ JUALAN AGRO MADANI MEGA MELAKA 2026: JIMAT DAPUR RAKYAT

MELAKA, 7 NOVEMBER 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Majlis Himpunan Semarak Tani @ Jualan Agro MADANI MEGA Negeri Melaka 2026 selama tiga hari bermula 6 hingga 8 November 2026, bertempat di Padang Kolej Vokasional Melaka Tengah, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Turut hadir ialah YB Tuan Haji Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan; YBrs. Tuan Haji Abang Ahmad Kerdee bin Abang Masagus, Pengerusi FAMA serta pegawai kanan KPKM dan FAMA.

Program yang menyasarkan kehadiran seramai 20,000 pengunjung ini turut menetapkan sasaran nilai jualan sebanyak RM500,000 dengan manfaat kepada 30,000 isi rumah. Sebanyak 109 lot jualan dan pameran yang menghimpunkan penglibatan 83 usahawan dan pempaper daripada jabatan dan agensi.

Antara tarikan utama ialah empat tawaran Kombo Semarak Tani pada harga promosi. Pengunjung juga dapat menikmati pelbagai aktiviti sepanjang program, antaranya demonstrasi penyediaan kuih tart dan keropok pisang, pertandingan memasak, pertandingan mewarna dan kolaj, sukan tradisional, persembahan *Black Buskers,* Konsert Muzik dan Jiwa *powered* by Suria FM, *Zumbatik, Fun Walk, Town Hall*, cabutan bertuah serta aktiviti interaktif bersama usahawan dan pengusaha *food truck*.

Program hari ini turut menyaksikan penyerahan insentif berjumlah RM437,450 kepada lima usahawan menerusi Geran Agropreneur NextGen Start-Up, Geran Pemadanan High Impact Product (HIP) dan Insentif Pembangunan Pasaran dan Padanan Produk Mikro IAT Usahawan Negeri Melaka Tahun 2026. Inisiatif ini mencerminkan komitmen KPKM dalam memperkasa usahawan agromakanan tempatan serta menyokong pembangunan produk berimpak tinggi.

Penganjuran Himpunan Semarak Tani @ Jualan Agro MADANI MEGA Negeri Melaka ini turut memperkukuh pencapaian pelaksanaan JAM di peringkat negeri. Sehingga Oktober 2026, FAMA Negeri Melaka telah melaksanakan sebanyak 258 program JAM melibatkan 3,300 usahawan dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM5.87 juta.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program JAM oleh FAMA di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga November 2026 telah mencatatkan hampir 3,400 program dengan nilai jualan lebih RM80 juta serta penjimatan kepada pengguna sebanyak RM26 juta. Pelaksanaan ini turut melibatkan penyertaan seramai 55,000 usahawan serta kehadiran lebih 4.7 juta pengunjung di seluruh negara.

KPKM akan terus memperkukuh pelaksanaan program Jualan Agro MADANI sebagai platform yang menghubungkan pengeluar, usahawan dan pengguna secara langsung. Usaha ini bukan sahaja membantu meringankan kos sara hidup rakyat melalui penawaran produk pada harga berpatutan, malah membuka peluang pasaran, memperluas jaringan perniagaan serta meningkatkan daya saing usahawan agromakanan tempatan.

Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN